

TEKS UCAPAN ALUAN

LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK

PENGARAH

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

**LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH BAGI
PROGRAM DIPLOMA GEOMATIK (DGU), JABATAN
KEJURUTERAAN AWAM, POLITEKNIK MERLIMAU
MELAKA**

20 – 21 JULAI 2026

BILIK PERSIDANGAN

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani,

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia,

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Melaka Sayang Rakyat,

Salam #PMMWarriors

Yang Berusaha Dr. Norhadiha binti Darwin

Ketua Panel Penilai

Yang Berusaha LSR Shamiruddin bin Mahammad Azami

Panel Penilai

Yang Berusaha Puan Norzailinda binti Zainal Abidin

Urusetia, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Teknologis Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Merlimau
Melaka

Barisan Ketua-ketua Jabatan,

Ketua-ketua Unit,

Ketua-ketua Program,

Barisan Pensyarah serta hadirin hadirat yang dihormati
sekalian.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama bagi menjayakan Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh bagi Program Diploma Geomatik (DGU) pada hari ini.

Bagi pihak pengurusan Politeknik Merlimau Melaka, saya mengalu-alukan kehadiran panel penilai dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian pihak panel meluangkan masa untuk melaksanakan penilaian program ini.

Tuan –tuan dan Puan- Puan yang dihormati sekalian,

1. Pengurusan kualiti program pengajian merupakan aspek utama dalam memastikan setiap program akademik yang ditawarkan memenuhi standard pendidikan tinggi yang ditetapkan, sentiasa relevan dengan perkembangan semasa serta memenuhi keperluan industri.
2. Sebagaimana kita maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) memainkan peranan penting dalam memastikan program akademik yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi mematuhi standard kualiti yang ditetapkan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
3. Sehubungan itu, penilaian akreditasi penuh ini amat signifikan dalam menilai keberkesanan pelaksanaan program Diploma Geomatik. Melalui proses ini, pihak institusi berpeluang memperoleh pandangan, cadangan dan maklum balas yang konstruktif bagi memperkukuhkan lagi aspek kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, kemudahan, serta sistem jaminan kualiti program.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Akhir kata, saya berharap agar lawatan penilaian ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Saya juga menyeru agar semua jawatankuasa serta warga politeknik yang terlibat dapat memberikan kerjasama yang terbaik sepanjang tempoh penilaian ini berlangsung.

**Sekian terima kasih, Wabillahitaufiq walhidayah
wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

[TAMAT]